

Sinar Harian 15/3/2018 m/s 21

Kerjasama komuniti kekang kegiatan tuba

KUALA BERANG - Komuniti setempat harus main peranan kekang kegiatan menuba ikan dengan memberi kerjasama kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu.

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, pihaknya mengesan kegiatan itu berlaku di sungai-sungai sebelah kawasan hulu dan kebiasaannya ia dilakukan orang luar bukannya penduduk kampung.

"Menuba ikan satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan mengikut peraturan sedia ada. Kegiatan ini boleh sebabkan kepupusan ikan, selain tuba di negeri ini juga dikesan berlakunya cara guna arus elektrik.

"Biasanya, ia dilakukan orang luar dan lokasi lebih terarah kepada sungai-sungai di kawasan hulu. Kalau orang kampung, kita tengok mereka ada kesedaran untuk jaga kebersihan sungai serta men-



Zawawi (kanan) ketika adakan lawatan ke projek ternakan udang di Kampung Kua.

jaga sumber.

"Jadi, sebagai usaha untuk kekang kegiatan ini kita harapkan kerjasama daripada orang kampung atau komuniti setempat. Mereka boleh berperanan sebagai mata-mata kepada pihak jabatan.

"Laporkan kepada Jabatan Perikanan atau pihak berkuasa jika kegiatan ini di-

kesan berlaku, untuk pihak jabatan jalankan rondaan atau pemantauan sepanjang masa ia satu Kelantan dan kerana itulah kerjasama diperlukan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Zawawi turut mengingatkan orang ramai khususnya kaki pancing supaya tidak menangkap ikan Kelisa dan

Temoleh di Tasik Kenyir kerana ia satu kesalahan.

"Dua jenis ikan ini di senarai dalam Jadual Pertama, Kaedah-Kaedah Perikanan Darat Terengganu 1988 (Pindaan 1993) di bawah Kaedah 3 (4) iaitu jenis ikan yang dilarang tangkap tanpa permit. Jangan tangkap sembarangan," katanya.